

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : MUKA DEPAN

RUANGAN : MUKA DEPAN

# 30 doktor UM pilih bekerja luar negara setiap tahun



Oleh Suzalina Halid  
suzalina@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Malaysia kehilangan sekurang-kurangnya 30 graduan perubatan terbaik dari Universiti Malaya (UM) setiap tahun yang memilih untuk berkhidmat di luar negara, terutama Singapura sebak memamatkan pengajian.

Ia dilihat satu 'kerugian' besar kepada institusi pendidikan tempatan kerana kos melatih setiap pelajar perubatan dianggarkan bernilai kira-kira RM1 juta.

Mendedahkan perkara itu, bekas Dekan Fakulti Perubatan UM, Prof Datuk Dr Adeeba Kamarulzaman, berkata penghijrahan pakar berlaku disebabkan kegagalan kerajaan menyelesaikan pelbagai isu dalam kalangan penjagaan kesihatan dan pegawai perubatan selain ketiadaan laluan lati-

han yang jelas.

Malah, beliau mendakwa perkembangan itu bertambah buruk apabila negara juga bersedia menghantar pegawai perubatan ke United Kingdom (UK) bagi mengatasi kekurangan kakitangan Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan (NHS) di sana.

"Disebabkan kekurangan jawatan dan laluan latihan yang jelas, setiap tahun UM kehilangan sekurang-kurangnya 30 (graduan) yang terbaik dan cemerlang kepada Singapura.

"Ingat, kos hampir RM1 juta (digunakan) untuk melatih setiap pelajar ini. Kini, kita juga nampaknya akan membantu mengatasi kekurangan kakitangan di NHS dengan menghantar pegawai perubatan kita ke UK," katanya menerusi perkongsian di Twitter, semalam.



AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

## KKM tak boleh kawal pegawai perubatan hijrah

**Kuala Lumpur:** Isu membabitkan penghijrahan graduan perubatan ke luar negara, termasuk di Singapura bagi memulakan kerjaya adalah di luar kawalan Kementerian Kesihatan (KKM).

Ketua Pengarahnya, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata isu ini tidak boleh diselesaikan secara silo sebaliknya ia memerlukan penyelesaian secara bersepadu membabitkan semua Kementerian berkaitan lain.

Beliau berkata, KKM sendiri sudah melakukan usaha, termasuk membuat permohonan untuk penambahan pegawai perubatan secara berterusan.

"Ada yang di luar kawalan KKM... yang penting bagaimana kita boleh membantu mereka... permohonan (jawatan) dibuat secara berterusan dan Khairy Jamaluddin (bekas Menteri Kesihatan) juga turut mohon bersama," katanya kepada BH.

Beliau mengulas pendedahan dibuat bekas Dekan Fakulti Perubatan Universiti Malaya (UM), Prof Datuk Dr Adeeba Kamarulzaman semalam, bahawa Malaysia kehilangan sekurang-kurangnya 30 graduan perubatan terbaik dari UM yang memutuskan untuk berkhidmat ke luar negara terutama Singapura, selepas tamat pengajian setiap tahun.

Beliau berkata, ramai doktor dan pegawai perubatan baharu berhijrah ke luar negara kerana kekurangan jawatan dan laluan latihan yang jelas di Malaysia.

Noor Hisham juga berkata, negara berdepan dengan situasi di mana graduan perubatan dari dalam dan luar negara disifatkan terlalu ramai.

Beliau berkata, ramai juga graduan perubatan dari Newcastle University Medicine Malaysia (NUMed Malaysia) contohnya turut bekerja di United Kingdom (UK) kerana ijazah mereka diiktiraf Majlis Perubatan Am (GMC).

"Bagaimana kita nak menghalang graduan perubatan terbaik ini daripada bekerja di Singapura?"

"Kita perlu menyediakan pilihan kepada mereka sebab kebanyakan ibu bapa yang mengeluarkan perbelanjaan (bagi pendidikan perubatan)," katanya.

# MMA akui ramai doktor mahu kerja di luar negara

## Golongan profesional dakwa tak yakin peluang kerjaya dalam negara

Oleh Suzalina Halid  
suzalina@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) mengakui wujud jumlah yang besar dalam kalangan doktor dan pegawai perubatan mengintai peluang berkhidmat di negara luar apabila kerana tidak yakin dengan masa depan kerjaya di dalam negara.

Presidennya, Dr Muruga Raj Rajathurai, berkata ia ekoran rata-rata golongan profesional muda itu merungut bahawa tiada hala tuju laluan kerjaya, selain sistem kontak yang ditawarkan tidak jelas serta tiada ketelusan.

"Tambah lagi, ada faktor yang menarik golongan ini untuk berkhidmat di luar berikutan tawaran gaji dan peningkatan kerjaya yang lebih jelas.

"Selain Singapura, ramai graduan perubatan tempatan membina kerjaya di beberapa negara lain seperti Australia, United Kingdom dan Ireland," katanya kepada BH, semalam.

Beliau mengulas pendedahan dibuat bekas Dekan Fakulti Perubatan Universiti Malaysia (UM), Prof Datuk Dr Adeeba Kamarulzaman, bahawa Malaysia kehilangan sekurang-kurangnya 30 graduan perubatan terbaik dari UM yang memutuskan untuk berkhidmat di luar negara terutama Singapura selepas tamat pengajian setiap tahun.

Dr Adeeba berkata, ia dianggap satu 'kerugian' kerana kos bagi



Dr Muruga Raj Rajathurai

melatih setiap pelajar bidang perubatan di negara ini dianggarkan RM1 juta.

Mengulas lanjut, Dr Muruga berkata, atas dasar itu kerajaan perlu melaksanakan pembangunan modal insan terhadap sistem perubatan dengan tidak mengangap peruntukan yang dikeluarkan kerajaan adalah sebagai satu perbelanjaan.

### Doktor baharu tak puas hati

"Sebaliknya, ia perlu dianggap sebagai satu bentuk pelaburan di mana setiap peruntukan yang dilaksanakan kerajaan terhadap pelajar ini akan dapat dinikmati semula melalui peluang pekerjaan yang disediakan.

"MMA sering menerima aduan daripada golongan doktor baharu ini yang mereka tidak berpuas hati dengan perjanjian kontrak kerana tiada ketelusan dan adanya jurang yang besar dengan

doktor bagi jawatan tetap. "Selain itu, daripada keseluruhan graduan perubatan yang berkhidmat secara kontrak, kurang daripada 40 peratus yang diserap kepada jawatan tetap, manakala selebihnya perlu mencari peluang di perkhidmatan swasta," katanya.

Dr Muruga turut bersetuju penghijrahan golongan doktor dan kakitangan perubatan tempatan ke luar negara adalah kerugian besar buat negara bukan sahaja dari aspek wang ringgit tetapi juga modal insan.

Namun beliau berkata, MMA yakin pentadbiran Kerajaan Perpaduan di bawah pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa akan menemui titik noktah terhadap permasalahan ini.

"Malah MMA juga dijadual akan bertemu dengan Dr Zaliha pada minggu depan yang turut akan membincangkan mengenai isu ini dan kita yakin dengan kekuatan politik yang ada, isu ini dapat diselesaikan," katanya.

## Syor kerajaan bendung penghijrahan

Dari Muka 1

Sehubungan itu, Dr Adeeba menyarankan kerajaan mengambil serius rungutan kakitangan penjagaan kesihatan untuk membendung masalah penghijrahan pakar berkenaan.

Kenyataan Dr Adeeba itu merujuk kepada perjanjian dimeterai di antara Malaysia dan UK, di mana kakitangan penjagaan kesihatan Malaysia boleh menjalani latihan di UK dan bekerja dengan NHS di sana.

Pada masa sama, beliau berkata, penghijrahan kakitangan perubatan ke luar negara bukan hanya membabitkan doktor dan pegawai perubatan, malah jururawat.

Selain Singapura dan UK, difahamkan ramai doktor perubatan Malaysia juga berhijrah ke Australia dan Amerika Syarikat.

Dr Adeeba turut menyatakan kekusaran bahawa masalah penghijrahan doktor dan pegawai perubatan baharu ke luar negara akan berlarutan selagi tiada usaha serius untuk menangani isu terbabit.

Katanya, isu kekurangan jawatan dan laluan latihan yang jelas di Malaysia sudah sekian lama dibangkitkan ramai doktor muda tempatan yang berkhidmat de-

Kita yang mengecewakan mereka. Bagaimanakah kita boleh berharap untuk membina sistem kesihatan yang berdaya tahan dan bertaraf dunia apabila kita berdepan dengan isu penghijrahan ini

Dr Adeeba Kamarulzaman,  
Bekas Dekan Fakulti Perubatan UM



ngan Kementerian Kesihatan (KKM) secara kontrak.

"Saya tidak menyalahkan golongan doktor muda dan baharu ini kerana saya juga akan membuat perkara yang sama di mana adanya peluang lebih baik.

"Kita yang mengecewakan mereka. Bagaimanakah kita boleh berharap untuk membina sistem kesihatan yang berdaya tahan dan bertaraf dunia apabila kita berdepan dengan isu penghijrahan ini," katanya.

Isu membabitkan ketiadaan jawatan dalam kalangan pegawai perubatan baharu mula timbul apabila golongan itu yang berkhidmat secara kontrak tidak disambungkan perkhidmatan kepada jawatan tetap.

Dr Adeeba yang turut dikenali sebagai pakar penyakit berjangkit terkenal di peringkat antarabangsa, dilantik oleh Suruhanjaya Global Polisi Dadah sebagai pesuruhjaya terbaru pada September lalu, menjadikan beliau rakyat Malaysia pertama memegang jawatan itu.

Dr Adeeba turut memegang jawatan Pengerusi Bersama Majlis Sains Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) serta Suruhanjaya Kesihatan dan Hak Asasi Manusia di bawah kelolaan IAS dan LANCET, sebuah jurnal perubatan antarabangsa yang disegani. Beliau juga pernah menjadi Pengerusi Bersama Jawatankuasa Penasihat Strategik serta Penasihat Teknikal HIV di WHO.

Februari lalu, bekas Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin mengumumkan 4,186 pekerjaan penjagaan kesihatan kontrak akan diserap ke jawatan tetap dalam Kementerian itu.

Jumlah ini termasuk 3,586 pegawai perubatan, 300 doktor gigi dan 300 ahli farmasi. Pada Jun, lebih 8,000 pegawai perubatan ditemuduga selepas pegawai kontrak menggesa untuk jawatan tetap.

Walaupun KKM tidak memberikan angka yang tepat, namun dianggarkan ada kira-kira 30,000 pegawai kontrak yang sedang berkhidmat dengan KKM ketika ini.

Mac lalu, Khairy juga memberitahu Dewan Rakyat data rasmi dari 2017 hingga 2021 menunjukkan seramai 2,032 doktor kontrak letak jawatan dalam tempoh itu, dengan jumlahnya bertambah setiap tahun.

Jumlah doktor kontrak yang meletak jawatan pada 2017 (110), 2018 (168), 2019 (475), 2020 (511) dan meningkat kepada 768 pada 2021.

Menteri Kesihatan baharu, Dr Zaliha Mustafa baru-baru ini memberitahu media menyelesaikan isu doktor kontrak untuk diserap ke jawatan tetap dalam perkhidmatan kesihatan adalah antara fokus utamanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 18

RUANGAN : NASIONAL

## Tiga dipenjara sehari kes rasuah kerja pengurusan jenazah

**Shah Alam:** Tiga pembantu perawat kesihatan di Hospital Kajang, dijatuhkan hukuman penjara sehari dan denda antara RM3,000 hingga RM5,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam, selepas mengaku bersalah menerima rasuah berkaitan kerja-kerja pengurusan jenazah.

Hakim Rozilah Salleh menjatuhkan hukuman itu terhadap Mohd Nizam Noordin dan Sharum Hassim, masing-masing berusia 42 tahun serta Muhd Azhar Nahar, 45, selepas mereka mengaku bersalah bagi pertuduhan pilihan.

Mahkamah memerintahkan ketiga-tiga lelaki itu menjalani hukuman penjara berkenaan bermula semalam, selain hukuman penjara tambahan enam bulan lagi jika gagal membayar denda yang ditetapkan.

Mengikut pertuduhan pilihan, Mohd Nizam, Sharum dan Muhd Azhar, bertugas sebagai pembantu perawat kesihatan di Unit Forensik Hospital Kajang, masing-masing menerima wang antara RM300 hingga RM600 daripada seorang lelaki berusia 34 tahun.

Tiga tertuduh itu didakwa menerima wang berkenaan melalui akaun masing-masing tanpa sebarang balasan daripada lelaki terbabit yang diketahui ada kaitan dengan tugas rasmi mereka, iaitu bagi kerja-kerja pengurusan jenazah.

Mereka melakukan kesalahan itu antara 21 Mei hingga 9 Dis 2020, didakwa mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya.



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : LOKAL

Oleh Mohd Jamilul  
Anbia Md Denin  
anbia@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Seramai tiga individu yang pernah ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana meminta dan menerima suapan berkaitan kerja pengurusan jenazah Mei lalu mengaku salah atas jenayah dilakukan, semalam.

Semua mereka membuat pengakuan itu di Mahkamah Sesyen Jenayah 1, Shah Alam, Selangor di hadapan hakim, Rozilah Saleh.

Sebelum ini, pihak SPRM melakukan operasi Ops jenazah sebelum menahan lima individu yang bertugas di Unit Forensik, Hospital Kajang.

Mereka dikatakan menerima rasuah antara tahun 2019 hingga 2021 melalui akaun bank milik masing-masing sebagai upah memberikan kerja pengurusan jenazah dari Unit Forensik Hospital Kajang kepada individu bernama Nur Azlan Azmi.

Susulan itu semua me-

**RASUAH BABIT KERJA PENGURUSAN JENAZAH**

## Tiga mengaku salah, dua mahu dibicarakan

reka didakwa mengikut Seksyen 17 (a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan boleh dihukum di bawah 24(1) Akta sama.

Pihak SPRM berkata, pertuduhan terhadap semua individu itu dilakukan pada 8 Disember lalu.

"Tiga tertuduh iaitu pembantu perawatan kesihatan berusia 34, 42 dan 45 tahun bagaimanapun mengaku salah bagi pertuduhan pilihan semalam. Manakala dua lagi individu

iaitu penolong pegawai perubatan mahu meneruskan perbicaraan.

"Susulan itu tiga individu yang mengaku bersalah itu dihukum penjara sehari dan denda RM5,000. Mereka akan dipenjara enam bulan jika gagal melunaskan denda itu," katanya.

Menurutnya, kes perbicaraan dua lagi tertuduh masing-masing berusia 34 tahun akan disambung pada 4 Januari hadapan.

Media sebelum ini me-

laporkan SPRM menahan sekumpulan individu termasuk dua penolong pegawai perubatan kerana disyaki terbabit meminta dan menerima suapan bagi urusan berkaitan kerja pengurusan jenazah melibatkan suapan berjumlah RM1,000 hingga RM4,000 setiap seorang.

"Semua suspek lelaki itu dipercayai meminta dan menerima wang suapan terbabit bagi setiap pengurusan jenazah daripada individu tertentu.

Difahamkan, ia sebagai balasan untuk pihak berkenaan terus mendapatkan kerja pengurusan jenazah bagi tempoh 2019 hingga 2021.

“Tiga individu yang mengaku bersalah dihukum penjara sehari dan denda RM5,000 SPRM”



TERTUDUH yang didakwa di Mahkamah Sesyen Shah Alam selepas dikaitkan dengan aktiviti rasuah di bilik mayat hospital

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : LOKAL

## RINGKAS

**Sedia aset pengangkutan untuk JKNK**


**Pasir Mas:** Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memberi keutamaan untuk menyediakan aset pengangkutan kepada Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK) terutama di kawasan yang dilanda banjir.

Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa berkata, aset pengangkutan seperti lori dan pacuan empat roda diperlukan untuk melancarkan tugas kakitangan KKM membantu mangsa kes kecemasan.

Katanya, kementerian juga menerima permohonan peruntukan daripada JKNK bagi pengurusan banjir bernilai lebih RM2.71 juta membabitkan peralatan perubatan dan pengangkutan.

"Kita melihat pengangkutan adalah suatu keperluan kepada jabatan dalam menjalankan tugas semasa banjir, justeru, kementerian akan memberi keutamaan untuk memenuhi permintaan itu.

"Selain itu, Kelantan diberi keutamaan kerana menjadi antara lokasi yang hampir setiap tahun dilanda banjir. Insya-Allah, ia akan diusahakan secepat mungkin," katanya.



**JKNK mohon bantuan urus banjir RM2.71 juta**



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 23

RUANGAN : LOKAL

Oleh Abdul Rahemang  
Taiming  
am@hmetro.co.my

Semporna

**“S**aya berharap saya okey sebab rakan akan terpaksa cover tugas saya.”

Begitu ungkapan pertama jururawat Hospital Semporna sebaik tiba di unit kecemasan selepas ambulans dinaiki bersama rakan setugas dan dua pesakit wanita yang sarat mengandung terbabas di Jalan Semporna-Tawau berhampiran jambatan Kalumpang di sini, kelmarin.

Dalam kejadian jam 1.50 tengah hari, jururawat berusia 28 tahun itu dalam keadaan dirinya turut mengalami kecederaan menjalakan tanggungjawab membantu seorang pesakit melahirkan bayi sejurus kemalangan itu.

Kisah detik cemas dan dedikasi seorang jururawat terhadap tugasnya dikongsikan Pengarah Hospital Semporna, Dr Mohd Syahfadzreen Yunus di akaun Facebook miliknya sebelum tular di media sosial.

“Meruntun hati dengar. Di sebalik kecederaan yang dialami dan memerlukan

## Risau dua jururawat

**Ambulans bawa ibu hamil kemalangan ketika mengelak kenderaan pacuan empat roda**



**Mari bersama doakan agar yang terlibat cepat sembuh. Moga semua juga diberi ketabahan. Semangat mereka tak pernah luntur dan ini yang menjadi sumber kekuatan”**

**Dr Mohd Syahfadzreen**

rawatan lanjut di hospital pakar, (jururawat) masih risaukan pesakit dan beban kerja yang ada.

“Inilah perjalanan yang perlu dilalui oleh mereka. Di sebalik cemuhan, kepenatan

dan musibah, perkhidmatan perlu diteruskan demi membantu masyarakat. Suatu pengorbanan yang besar.

“Mari bersama doakan agar yang terlibat cepat sembuh. Moga semua juga diberi ketabahan. Semangat mereka tak pernah luntur dan ini yang menjadi sumber kekuatan,” katanya.

Difahamkan, dalam kejadian itu, ambulans dinaiki mereka dalam perjalanan ke Hospital Tawau hilang kawalan selepas dipercayai cuba mengelak pacuan empat roda Toyota Prado yang memotong secara tiba-tiba dari arah bertentangan.

Akibatnya, ambulans terbabas ke tepi jalan menyebabkan dua jururawat masing-masing mengalami kecederaan pada belakang



KEADAAN ambulans selepas hilang kawalan dan terbabas ke bahu jalan apabila cuba mengelak sebuah kenderaan pacuan empat roda berhampiran Jambatan Kalumpang, Jalan Semporna-Tawau.

badan dan patah tulang pinggul manakala seorang lagi wanita hamil berusia 26 tahun dilaporkan selamat

dan dihantar ke Hospital Tawau untuk rawatan lanjut.

Pemandu ambulans ha-

nya cedera ringan dan dibawa ke Jabatan Kecemasan Hospital Semporna untuk pemeriksaan kesihatan.

AKHBAR : KOSMO  
 MUKA SURAT : 4  
 RUANGAN : NEGERA



**ZALIHA** (kanan) menaiki lori Angkatan Pertahanan Awam Malaysia untuk meninjau kawasan yang terjejas banjir di Pasir Mas semalam. – MUSTAQIM MOHAMED

## KKM beri keutamaan kepada penyediaan aset, fasiliti di Kelantan

**PASIR MAS** – Kementerian Kesihatan (KKM) memberikan keutamaan terhadap penyediaan aset-aset dan fasiliti lebih spesifik kepada Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK) untuk menghadapi bencana banjir pada masa depan.

Menterinya, Dr. Zaliha Mustafa berkata, setakat ini, pihaknya sudah menerima permohonan daripada JKNK untuk peralatan melibatkan pengurusan banjir bernilai RM2.7 juta.

Menurutnya, permohonan itu merangkumi peralatan perubatan, peralatan bukan perubatan dan kenderaan yang dilihat sebagai satu keperluan terutama di kawasan-kawasan sering di-

landa banjir seperti di negeri ini.

"Pengarah JKNK, Datuk Dr. Zaini Hussin telah memaklumkan perlunya ada fasiliti lebih spesifik untuk musim banjir termasuk lori dan ambulans pacuan empat roda.

"Ia memang satu keperluan dan kita akan cuba usahakan. Kita sudah ada bajet yang diluluskan tetapi akan melihat secara lebih spesifik kepada keperluan di Kelantan yang selalu berdepan bencana banjir," katanya pada sidang akhbar di Pejabat Kesihatan Daerah Pasir Mas semalam.

Ujarnya, jangka masa penyediaan aset berkenaan turut bergantung kepada bajet diluluskan dan akan meletakkan permoho-

nan JKNK sebagai keutamaan tinggi.

Katanya, KKM turut mengakui jabatan kesihatan memerlukan lebih ramai kakitangan untuk membantu terutama di pusat-pusat pemindahan sementara (PPS).

"Kita telah mengaktifkan segera pasukan-pasukan bantuan dari negeri berdekatan seperti Kedah dan Selangor. Selain itu, KKM turut mendapatkan bantuan rakan-rakan daripada badan bukan kerajaan (NGO)," katanya.

Tambahnya, kes-kes berisiko termasuk ibu yang akan melahirkan anak akan dikenal pasti lebih awal agar dapat segera dipindahkan.



AKHBAR : KOSMO  
 MUKA SURAT : 9  
 RUANGAN : NEGERA

## Tiga staf hospital dijel, denda dagangkan jenazah Islam

**SHAH ALAM** – Perbuatan tiga kakitangan Hospital Kajang terlibat dalam urusan 'memperdagangkan' jenazah Islam membawa padah apabila dipenjara sehari dan denda antara RM3,000 hingga RM5,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam.

Hakim Rozilah Salleh menjatuhkan hukuman itu selepas ketiga-tiga mereka iaitu Mohd. Nizam Noordin, 40, Sharum Hassim, 42, dan Muhd. Azhar Nahar, 45, mengaku bersalah atas pertuduhan pilihan dibacakan kepada mereka.

Sekiranya gagal membayar denda, ketiga-tiga mereka yang merupakan Pembantu Perawatan Kesihatan Gred U11 dan U14 itu diperintahkan menjalani tambahan penjara enam bulan.

Mengikut pertuduhan, ketiga-tiga mereka semasa kejadian bertugas di Unit Forensik, Hospital



**KERATAN Kosmo 8 Oktober 2021.**

Kajang telah secara rasuah memperoleh suapan antara RM300 hingga RM600 melalui akaun bank masing-masing daripada seorang lelaki berusia 34 tahun.

Ini bagi memberikan kerja pengurusan jenazah-jenazah dari Unit Forensik Hospital Kajang kepada individu tersebut.

Mohd. Nizam dan Muhd. Azhar masing-masing melakukan perbuatan itu di dua buah



**DI MAHKAMAH Shah Alam inilah tiga staf hospital dijatuhkan hukuman jel.**

cawangan bank berlainan di Kajang, manakala Sharum di cawangan bank Sungai Petani, Kedah antara 21 Mei hingga 9 Disember 2020.

Kesalahan itu dilakukan mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda atau ke-

dua-duanya sekali.

Difahamkan ketiga-tiga mereka telah digantung tugas sejak April lalu sehingga kini.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Mohd Aliff Bin Shahruzman dan kesemua tertuduh diwakili Peguam Mohd. Fikah Sani.

Kosmo! pada 8 Oktober tahun lalu melaporkan lima kakitangan jabatan forensik sebuah hospital di Selangor yang ditahan berhubung kes rasuah pengurusan jenazah dipercayai mengaut untung kira-kira RM22,000 dalam tempoh dua tahun sejak tahun 2019.

Petugas kesihatan itu menerima habuan RM300 hingga RM400 bagi setiap jenazah daripada ejen mengikut jenis-jenis kematian.



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

## KKM sediakan aset khusus bantu petugas kesihatan

**PASIR MAS** - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan memfokuskan penyediaan aset khusus untuk kemudahan penyelamatan kakitangan kesihatan ketika bencana.

Menterinya, Dr Zaliha Mustafa bagaimanapun berkata, kementerian itu akan melihat kepada keperluan yang lebih spesifik.

"Bajet sudah diluluskan tetapi kita akan melihat keutamaan jabatan kesihatan yang memerlukan, katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita Sempena Lawatan Kerja ke Pejabat Kesihatan Daerah Pasir Mas pada Khamis.

Sebelum itu, Jabatan Kesihatan negeri Kelantan memohon peruntukan kira-kira RM2.7 juta untuk peralatan dan pengurusan banjir di negeri ini.

Antara keperluan utama melibatkan kenderaan iaitu kira-kira RM2.3 juta manakala peralatan perubatan berjumlah

RM141,500 dan peralatan bukan perubatan berjumlah RM268,440.

Dr Zaliha memberitahu, KKM turut menggerakkan 20 pasukan kesihatan mental dan sokongan psikososial (MHPSS) bagi memberi perkhidmatan sokongan emosi dan bantuan awal psikologi (PFA) kepada mangsa banjir.

Menurut beliau, kementerian itu juga bekerjasama membantu Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memberi perkhidmatan kesihatan mental dan sokongan psikososial di pusat pemindahan sementara (PPS).

"Sebanyak 835 PFA telah dilakukan kepada orang awam dan 21 PFA kepada petugas barisan hadapan dengan tiada kes dirujuk kepada Pakar Perubatan Keluarga atau Pakar Perubatan Psikiatri," katanya.

Tambah beliau, antara perkhidmatan yang diberi ialah relaksasi, terapi seni dan psikopendidikan.

AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 23  
RUANGAN : MAHKAMAH DAN JENAYAH

## 'Ulat jenazah': Kakitangan hospital dipenjara, denda hingga RM5,000

**SHAH ALAM** – Seramai tiga pembantu perawatan kesihatan di Hospital Kajang dipenjara sehari dan denda antara RM3,000 hingga RM5,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini pada Khamis, atas pertuduhan menerima suapan berhubung 'ulat jenazah', pada tahun 2020 lalu.

Mohd Nizam Noordin, 42; Sharum Hassim, 42 dan Muhd Azhar Nahar, 45, dikenakan hukuman itu selepas mengaku bersalah atas satu pertuduhan yang dibaca jurubahasa di hadapan Hakim Rozilah Salleh. Sharum dipenjara sehari dan

denda RM3,000 manakala Mohd Nizam dan Muhd Azhar masing-masing penjara sehari dan denda RM5,000.

Mahkamah turut memerintahkan mereka menjalani hukuman penjara bermula Khamis dan dipenjara enam bulan sekiranya gagal membayar denda tersebut.

Difahamkan ketiga-tiga mereka telah digantung tugas sejak April lalu.

Mengikut pertuduhan, Sharum didakwa telah menerima RM300 manakala Mohd Nizam dan Muhd Azhar masing-masing RM600 daripada se-

orang lelaki berusia 34 tahun, melalui akaun Maybank milik mereka.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara sehingga dua tahun, atau denda atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Pada 8 Oktober tahun lalu, *Sinar Harian* melaporkan, seramai lima kakitangan jabatan forensik sebuah hospital di Selangor yang ditahan berhubung kes rasuah pengurusan jenazah, dipercayai mengaut untung kira-kira RM22,000 dalam tempoh dua tahun, sejak tahun 2019.



AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION/NEWS

## MANY OPTING FOR TRAINING IN SINGAPORE

## Ex-medical dean calls for action to stop brain drain of fresh medical grads

**KUALA LUMPUR:** Malaysia is losing some of its "best and brightest" medical graduates to Singapore annually, said former Universiti Malaya (UM) Medical Faculty dean Professor Datuk Dr Adeeba Kamarulzaman.

She claimed that at least 30 UM medical graduates per year would choose to undergo houseman training in Singapore instead of Malaysia.

In a series of tweets yesterday, Dr Adeeba said there was an urgent need to plug the brain drain of fresh medical graduates and officers due to "lack of posts" and no "clear training pathways".

"Remember, it cost us almost RMI million to train a student.

"And now we are apparently going to help plug the National Health Service (NHS) staff short-

age by sending our medical officers to the United Kingdom," she said in reference to the shortage of doctors faced by the British government healthcare provider.

She said unless the country was serious about addressing the issues faced by its healthcare workers, the system would continue to have this problem "forever".

"I don't blame my young colleagues" at all. I too would go where the opportunities are.

"We are failing them. How can we expect to build a resilient and world-class healthcare system

when we have this continuous internal and external brain drain?" she said.

Adeeba was responding to an article by online health news portal CodeBlue on how the emergency department of hospitals could not be expected to handle all cases that arrive.

The article was written after reports of purported shortcomings at the Hospital Raja Permaisuri Bainun in Ipoh, Perak.

It claimed that critically ill patients had been stranded for days in the hospital's emergency and trauma department due to a shortage of



Professor Datuk Dr Adeeba Kamarulzaman



Medical graduates and officers in Malaysia are leaving the country due to lack of posts and no clear training pathways.  
FILE PIC

beds and healthcare staff, as well as a backlog of follow-up appointments.

Adeeba also said during the Covid-19 pandemic, it was clear that health and the economy could not be separated, adding that it would be unfortunate if

the country did not learn from it. She said rebuilding the nation's health system was paramount, and must begin with human capital.

"Yes the vaccine is helping us out of this one, but if or when the next one comes along, we may not be so lucky."

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS



**FIRST-HAND LOOK ...** Health Minister Dr Zaliha Mustafa boards a truck to check the flood situation while visiting the Pasir Mas health office in Kelantan yesterday.  
- **BERNAMAPIC**